

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Webinar siri 1 Cerita Agropreneur Muda

6 JANUARI 2022 | KHAMIS

11:00 PAGI - 1:00 TENGAHARI

Penceramah

AHMAD SYAWAL MUSA
PEMILIK DGR ENTERPRISE

ABDULLAH ALI
PEMILIK INOVASI ALAM ENTERPRISE



ANJURAN: MASMED UITMCTKKT

Noorul Huda Binti Zakaria1

1Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

*Koresponden: noorulhuda@uitm.edu.my



Dalam usaha memperkasakan keusahawanan di kalangan warga UiTM, pihak MASMED UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan program bertajuk Cerita Agropreneur Muda yang telah diadakan pada 6 Januari 2022 (Khamis). Program ini telah berlangsung selama 2 jam (11 pagi hingga 1 tengahari) secara atas talian melalui Youtube Channel UiTM Cawangan Terengganu. Sasaran peserta adalah meliputi pelajar dan staf UiTM serta komuniti luar.

Seiring dengan seruan universiti dan negara secara amnya, objektif program ini adalah lebih tertumpu kepada pendedahan dalam konteks untuk mendidik para pelajar khususnya tentang peluang-peluang keusahawanan yang boleh mereka jadikan sebagai kerjaya, memberi kesedaran serta pendedahan kepada para pelajar khususnya tentang peluang-peluang perniagaan yang mereka boleh ceburi semasa atau setelah tamat pengajian. Selain itu ianya juga bertujuan untuk memupuk dan menyuntik minat keusahawanan di kalangan peserta bagi melibatkan diri dalam apa jua bidang atau cabang keusahawanan yang terdapat didalam pasaran hari ini. Antara lainnya ialah bagi membentuk dan mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor agro samada pertanian atau penternakan sebagai industri yang berdaya maju dan berpotensi untuk diterokai. Panel juga dapat berkongsi ilmu keusahawanan secara lebih praktikal melalui pengalaman yang telah dilalui oleh mereka serta dapat memotivasikan pelajar dan juga peserta lain melalui perkongsian ilmu yang menarik kepada bakal usahawan dan usahawan sedia ada.

Seramai 1412 orang peserta telah menyertai program ini, terdiri daripada 1261 orang staf dari pelbagai kampus, 138 orang pelajar dan 13 orang komuniti luar merangkumi usahawan dan pensyarah dari IPTA/IPTS lain. Perkongsian daripada dua (2) usahawan muda selaku panel program, iaitu alumni UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu (Diploma Pengurusan Perniagaan). Mereka ialah Encik Ahmad Syawal Musa, merupakan pengusaha dan pemilik DGR Enterprise (bertempat di Manir, Terengganu) dan telah mula berkecimpung dalam sektor ini sejak tahun 2017. Beliau memfokuskan kepada penternakan (arnab) sebagai aktiviti utama selain penternakan ikan air tawar serta produk tenusu yang telah diinovasikan dalam bentuk kek aiskrim. Manakala panel kedua ialah Encik Abdullah Ali (pengusaha dan pemilik Inovasi Alam Enterprise) yang telah menceburi dan mengusahakan ladang pelbagai jenis tanaman sayuran dan penternakan merangkumi ayam, itik dan rusa sejak tahun 2013 di Sungai Putat, Melaka.

Melalui program tersebut, peserta telah didedahkan tentang selok belok permulaan awal para panel sebagai seorang agropreneur. Perkongsian tentang perjalanan karier, pengalaman suka duka serta cabaran yang dihadapi dalam mengukuhkan perniagaan masing-masing serta memartabatkan bidang pertanian dan penternakan telah memberi satu persepsi dan pendedahan baru kepada peserta. Peserta juga telah dibekalkan dengan pelbagai panduan untuk melibatkan diri dalam sektor agro sebagai bidang kerjaya masa depan. Antaranya seperti jenis bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan (FAMA) dalam membantu usahawan agro serta pelbagai inisiatif dan juga geran yang ditawarkan sebagai salah satu usaha menggalakkan penglibatan golongan belia dalam sektor ini.

Program ini telah mendapat maklumbalas positif daripada peserta. Kebanyakan peserta sangat berpuas hati dengan segala ilmu dan pengalaman yang telah dikongsi dan merasakan ianya merupakan satu program perkongsian yang sangat memberi manfaat dalam keusahawanan dan wajar diteruskan dimasa akan datang.

Oleh yang demikian, MASMED UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu sangat berbesar hati sekiranya program-program seumpama ini dapat diteruskan dan mendapat kelulusan pihak tertinggi di lain hari. Semoga inisiatif yang dilakukan ini dapat menyuntik minat keusahawanan dan memberi pendedahan ilmu yang dapat membantu pelajar khususnya memulakan perniagaan mereka kelak. Selain ianya diharapkan mampu membawa hasil yang positif kepada perkembangan keusahawanan di UiTM secara amnya dan sebagai satu mekanisme dalam menyahut saranan UiTM sendiri dalam memperkasakan keusahawanan di kalangan warga UiTM.

